

**Wan Azizah Pertimbang Sama Ada Mahu Bertanding Pilihan Raya Umum
Bernama
08 Julai, 2012**

GEORGE TOWN, 8 Julai (Bernama) -- Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail masih mempertimbangkan kemungkinan untuk bertanding semula pada pilihan raya umum ke-13.

"Saya ada satu senarai untuk pertimbangan, tetapi saya fikir peranan sokongan lebih baik," katanya ketika ditanya sama ada beliau berhasrat untuk bertanding di kerusi dewan undangan negeri kali ini.

Ditanya sama ada itu bermakna beliau tidak akan bertanding, Dr Wan Azizah berkata: "Tidak juga. Perkara itu masih ada dalam perancangan tapi pada masa ini hanya sekadar membincangkannya."

Beliau ditemui pemberita pada Konvensyen PKR di Bayan Baru, di sini Ahad.

Dr Wan Azizah meletak jawatan sebagai Anggota Parlimen Permatang Pauh pada 31 Julai 2008 bagi memberi laluan kepada suaminya Datuk Seri Anwar Ibrahim bertanding di kerusi itu pada pilihan raya kecil.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=678930>